



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
AHAD 31 MEI 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	PENTERNAKAN IKAN KELAH MAMPU TARIK MINAT ANAK MUDA CEBURI KEUSAHAWANAN, UTUSAN BORNEO -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MOA)
2.	FISHERMEN FEARED LOST AT SEA IN KUALA KEDAH, LOCAL NEWS, NEW SUNDAY TIMES -13	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
3.	PERKUKUH INDUSTRI PERIKANAN, KAFE AHAD, METRO AHAD -16	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
4.	KPDNHEP KUTIP KOMPAUN RM120,000, PENIAGA TIDAK MEMATUHI SHMMP, UTUSAN BORNEO -ONLINE	LAIN-LAIN
5.	FOKUS TINGKAT EKONOMI, PEMBANGUNAN KEDAH, NASIONAL, BH -12	
6.	SEKURITI MAKANAN TERJAMIN MELALUI URUS HARGA MAKANAN, INFLASI, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE	
7.	MALAYSIA'S STATISTICS DEPARTMEN FORESEES RECESSION IN THE NEXT FOUR TO SIX MONTHS, MALAY MAIL -ONLINE	

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/5/2020	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

Penternakan ikan kelah mampu tarik minat anak muda ceburi keusahawanan



TERANGKAN: Che Abdullah (dua kiri) mendengar penerangan daripada pengusaha tapak penternakan ikan kelah yang juga pengamal perubatan, Dr Ab Aziz Al Safi Ismail (kiri) sewaktu melawat Tapak Penternakan Ikan Kelah di Chicha, Pasir Tumboh, Kota Bharu semalam. — Gambar Bernama

KOTA BHARU: Penternakan ikan kelah dalam sangkar mampu menarik golongan muda untuk menceburi bidang keusahawanan, kata Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi.

Beliau berkata bidang ini mampu mengisi kelompondan golongan itu dalam subsektor perikanan yang kini dilihat semakin berkurangan.

"Mungkin golongan muda masa kini tidak lagi tertarik menjadi nelayan namun

penternakan ikan kelah merupakan satu program yang cukup menarik kerana ia mampu menjana keuntungan lumayan kepada pengusaha.

"Ia sekali gus dapat menambah produktiviti makanan khususnya dalam subsektor ini," katanya kepada pemberita selepas melawat Tapak Penternakan Ikan Kelah di Chicha, Pasir Tumboh, di sini, semalam.

Che Abdullah berkata kerajaan akan sentiasa menyokong mana-mana aktiviti berkaitan pertanian dan penternakan menerusi peruntukan yang disalurkan kepada kementeriannya sepanjang masa.

Sementara itu, pengusaha tapak penternakan ikan kelah tersebut yang juga pengamal perubatan, Dr Ab Aziz Al Safi Ismail, berkata idea menternak ikan kelah tercetus selepas hasil kajiannya mendapati ikan kelah mempunyai kolagen yang tinggi dan sesuai untuk dijadikan tampalan kulit bagi pesakit kencing manis.

"Sebelum ini kulit ikan tilapia digunakan untuk tujuan tersebut namun tahap kolagennya sedikit kurang berbanding ikan kelah, justeru saya merasa terpanggil untuk memelihara ikan kelah ini untuk tujuan bioperubatan.

"Selain itu, sisiknya boleh diproses untuk dijadikan kolagen manakala isinya boleh dijadikan pil untuk meningkatkan tenaga batin dan lebih kuat berbanding Viagra," katanya.

Beliau berkata dari segi pasaran pula, permintaan terhadap ikan kelah mencecah kira-kira enam tan sebulan dan setakat ini pengusaha ikan kelah tempatan hanya mampu menghasilkan jumlah tersebut dalam tempoh setahun.

"Justeru, permintaan terhadap ikan kelah ini amatlah tinggi kerana pasarannya masih lagi luas dan kurang diceburi oleh penternak lain.

"Harga ikan kelah di pasaran juga amat mahal iaitu kira-kira RM500 bagi satu kilogram dan ikan kelah boleh dijual daripada benih sehingga tempoh matang 30 bulan," katanya. — Bernama

Headline	Fisherman feared lost at sea in Kuala Kedah		
MediaTitle	New Sunday Times		
Date	31 May 2020	Color	Full Color
Section	Local News	Circulation	38,902
Page No	13	Readership	116,706
Language	English	ArticleSize	68 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,344
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,032



Fisherman feared lost at sea in Kuala Kedah

ALOR STAR: A fisherman is feared missing at sea after his boat was found at the Kuala Kedah estuary, near here, on Friday. Kuala Kedah Maritime Zone director Maritime Commander Mahmud Faizal Ahmad said Nordin Saad, 52, had gone out to sea alone at 7am. "Upon receiving a report from the Kuala Kedah Marine Department at 5pm yesterday (Friday), the Langkawi Maritime Search and Rescue Centre launched a search and rescue operation (SAR). Maritime Malaysia deployed a boat to the area and the fisherman's unmanned boat was spotted. SAR operations resumed this (yesterday) morning involving personnel and assets from the Royal Malaysia Police, Fire and Rescue Department, Civil Defence Force, Fisheries Department and several local fishing boats."

Bernamea

Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) yang ditubuhkan pada 1971 memantapkan peranan penting dalam memastikan bekalan ikan dan hasil laut di negara ini mencukupi.

Banyak perubahan dilakukan agensi ini bagi memastikan fungsinya kekal relevan dan lebih berdaya saing.

LKIM turut menerima perubahan digital dengan menggunakan platform e-dagang sebagai strategi pemasaran bagi memperluaskan lagi pasaran produk agensi berkenaan.

Ikuti wawancara Pengerusi LKIM, DATUK SYED ABU HUSSIN HAFIZ SYED ABDUL FASAL bersama wartawan NOR 'ASYIKIN MAT HAYIN, juruvideo, MUHAMAD ALLYME MOHD IZAM dan jurugambar, SAIFULLIZAN TAMADI bagi berkongsi perkembangan terbaharu LKIM.

Apakah pembaharuan yang akan dilakukan bagi memperkasakan LKIM?

LKIM menggariskan Hala Tuju Strategik bagi tahun 2019 hingga 2020.

Ia membabitkan lima hala tuju utama, 18 strategi dan 64 pelan tindakan yang merangkumi perancangan menyeluruh dalam usaha menjadikan LKIM sebagai peneraju yang meliputi pengetahuan, kemudahan pendaratan, pemasaran ikan, pemprosesan produk berasaskan hasil laut, mempelbagaikan projek ekonomi persatuan nelayan dan pembangunan kapasiti nelayan.

Lima hala tuju utama itu ialah:

a. Mentransformasi kompleks LKIM dan memperkukuhkan industri asas perikanan ke arah mewujudkan Zon Perikanan Bersepadu.

b. Memperkukuhkan rantaian pemasaran ikan dalam usaha menjamin kestabilan bekalan dan harga.

c. Memperkasa persatuan nelayan bertaskan pembangunan kluster ekonomi (enam kluster ekonomi).

d. Meningkatkan pendapatan dan kesejahteraan nelayan dengan penekanan kepada program sosio ekonomi.

e. Menambah baik sistem penyampaian perkhidmatan, modal insan dan tadbir urus.

Antara usaha LKIM adalah menjadikan persatuan nelayan sebagai perintis dalam industri perikanan khususnya dalam bidang pemasaran ikan.

LKIM memperkenalkan portal nekmatbiz.com.my sebagai platform penjualan hasil laut dan produk berasaskan ikan secara dalam talian dan bekerjasama dengan penyedia platform e-dagang iaitu Shopee.

Inisiatif ini sebagai salah satu usaha mengurangkan pembabitkan orang tengah dalam pemasaran ikan.

Saya ingin berkongsi kejayaan LKIM malar RM15,633,366 jualan dan pemasaran ikan di Pasar Nelayan, di Pusat Pengumpulan dan Pengedaran Ikan (CCDC), jualan secara dalam talian dan pembayaran tunai semasa serahan (COD) di seluruh negara sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkuat kuasa dari 18 Mac sehingga 28 Mei lalu dengan nilainya 1,418.78 tan metrik berjaya dipasarkan sendiri melalui persatuan nelayan.

Selain pemasaran dan logistik, persatuan nelayan juga bergerak aktif melaksanakan beberapa projek ekonomi antaranya ternakan akuakultur, agro pelancongan, pemprosesan hasil perikanan dan tangkapan ikan.

Selain itu, LKIM sentiasa prihatin dengan

HALA TUJU BAHARU LKIM

PERKUKUH INDUSTRI PERIKANAN



bejajikan dan kesejahteraan nelayan. Terbaharu, LKIM bekerjasama dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) dalam menjamin keselamatan nelayan di seluruh negara.

Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) bertujuan memberi perlindungan kepada individu yang menjalankan pekerjaan sendiri di bawah peruntukan Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 (Akta 789) termasuk nelayan.

Bermula 1 Januari 2020, perlindungan SKSPS diperluaskan kepada 19 sektor pekerjaan sendiri yang mana termasuk sektor perikanan.

Caruman ini membabitkan 35,000 nelayan yang layak bagi memastikan nelayan mendapat jaminan sekiranya berlaku sebarang musibah menyebabkan mereka tidak lagi boleh menangkap ikan.

Penggantian Caruman Insurans Nelayan Berkelompok LKIM kepada SKSPS di bawah Perkeso akan dilaksanakan bermula pertengahan Ogos 2020.

LKIM menyasarkan semua individu yang terlibat dengan pekerjaan dalam sektor perikanan diminta untuk membuat caruman di Perkeso di bawah Akta 789.

Skim ini melindungi orang berinsurans bekerja sendiri (OBSS) yang disebabkan oleh suatu kemalangan atau penyakit pekerjaan berakibat daripada dan semasa menjalankan aktiviti pekerjaannya sendiri serta termasuk perjalanan atau balik kerja.

Cadangan caruman ialah RM157.20 setahun iaitu RM13.10 sebulan dan 43 sen sehari bagi semua nelayan LKIM yang menerima elaun sara hidup nelayan.

Pemotongan caruman ini dilaksanakan secara terus melalui Sistem Program Insentif Nelayan (FIP).

Adakah bekalan ikan dan hasil laut mencukupi pada musim perayaan dan sepanjang tempoh PKP berkuat kuasa?

Secara umumnya, bekalan ikan dan hasil laut di negara kita masih mencukupi dan konsisten bagi memenuhi keperluan rakyat.

Ini kerana jumlah pendaratan ikan marin di Kompleks Pendaratan Ikan LKIM dan jeti pendaratan yang direkodkan LKIM secara puratanya ialah 1,400 tan metrik sehari.

Sepanjang 72 hari PKP berkuat kuasa bermula 18 Mac sehingga 28 Mei lalu, 48 Kompleks Pendaratan Ikan LKIM seluruh negara mencatatkan pendaratan keseluruhan berjumlah 48,851 tan metrik dengan nilai RM171,268,989.

Secara keseluruhannya, purata bekalan ikan negara (table fish) adalah 2,400 tan metrik berbanding permintaan rakyat yang dianggarkan 2,000 tan metrik sehari.

Stok bekalan ikan pula iaitu 185,000 tan metrik dalam pasaran berbanding keperluan 155,000 tan metrik sebulan.

Ia menunjukkan bekalan ikan di negara ini sentiasa mencukupi untuk memenuhi per-

mintaan yang tinggi pada musim perayaan dan sepanjang tempoh PKP berkuat kuasa.

LKIM turut terlibat secara langsung dalam membekal ikan segar beku QFISH bagi menampung permintaan ikan dalam negara.

Sebagai contoh pada perayaan Aidilfitri lalu, terdapat sebanyak 119.5 tan metrik stok bekalan ikan segar beku QFISH di seluruh negara.

Bagaimana sambutan inisiatif jualan ikan secara terus ke rumah melalui pembayaran tunai semasa serahan (COD) sewaktu PKP berkuat kuasa?

Pembayaran COD yang dilaksanakan oleh persatuan nelayan sememangnya menggalakkan dan berkesan serta mendapat sambutan daripada pengguna.

LKIM mengambil inisiatif supaya persatuan nelayan mengubah strategi jualan dan pemasaran ikan menggunakan kaedah COD iaitu pembayaran selepas menerima produk.

Antara jenis ikan yang mendapat permintaan tinggi ialah ikan segar seperti kembung, bawal, selar, tenggiri, kerisi, cencaru, senangin selain udang, sotong dan ketam.

Pembekalan secara COD bergantung kepada hasil tangkapan yang didaratkan nelayan di Kompleks LKIM pada hari berkeajaan.

Sebanyak 44 persatuan nelayan di seluruh negara menjalankan urusan COD sepanjang


**PROFIL
PENGURUS
LKIM**
**DATUK SYED ABU HUSSIN
HAFIZ SYED ABDUL FASAL**
Usia.....60 tahun

Asal.....Taiping, Perak

Politik

Ahli Parlimen Bukit Gantang

Pendidikan

Ijazah Sarjana Muda Sains

Komputer, UKM

Pelajaran

• Ketua Pegawai Eksekutif, GPB

Corporation Sdn Bhd,

• Pengerusi Eksekutif, Gunung

Capital Berhad

Pertubuhan Bukan Kerajaan

Pengerusi Yayasan Al-Fasal

PROFIL

LKIM

- Sebuah badan berkanun di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan
- Diperibadikan mengikut Akta 49, Akta Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia 1971
- Akta ini berkuat kuasa bagi negeri-negeri di Semenanjung pada 1 November 1971 di Sarawak (1 Julai 1973) dan Sabah (1 Ogos 1995)

tempoh PKP bagi memudahkan pembekalan ikan dan hasil laut secara terus kepada pengguna.

Kaedah COD mendapat sambutan amat menggalakkan daripada masyarakat setempat dan LKIM akan terus memastikan pengguna mendapat bekalan ikan serta sumber protein yang mencukupi sepanjang PKP dikuatkuasakan.

LKIM melalui persatuan nelayan berjaya meralih pendapatan berjumlah RM1,722,922.43 dengan kuantiti kendalian 156 tan metrik jualan secara COD.

Usaha ini seharusnya menjadi kebanggaan kerana persatuan nelayan mengambil inisiatif memasarkan sendiri ikan secara terus kepada pengguna.

Bagaimana memastikan inisiatif menjual ikan segar menggunakan platform e-dagang seperti Shopee kekal mendapat sambutan selepas PKPB ditamatkan?

Pergerakan yang terhad semasa PKP menyebabkan ramai pengguna merolih untuk membeli barangan keperluan harian termasuk produk perikanan, pertanian dan bahan makanan secara atas talian atau e-dagang. Berdasarkan perkembangan semasa ini, LKIM melalui Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) mengambil inisiatif menjalankan kerjasama dengan penyedia platform e-dagang iaitu Shopee untuk memasarkan hasil laut segar, ikan segar beku QFISH dan produk

proses.

Hasil jualan pula mendapat penilaian amat positif dan tahap kepopularan (*rating*) lima bintang daripada pelanggan yang membeli produk berkenaan.

Berdasarkan perubahan normal baharu masyarakat, LKIM percaya pemasaran ikan secara atas talian atau e-dagang akan terus berterusan walaupun tempoh PKPB ditamatkan.

Menerusi galakan pasaran seperti promosi diskaun dan sebagainya, pengguna akan terus memilih platform e-dagang untuk membeli hasil segar atas talian.

Apakah jenis bantuan disediakan untuk membela nasib nelayan?

Secara ringkasnya, bantuan yang disediakan LKIM untuk membela nasib nelayan difokuskan kepada:

Dalam usaha LKIM ingin meningkatkan kapasiti dan kecekapan nelayan, antara usaha dilakukan ialah menyediakan latihan kemahiran dan program pendidikan kepada belia dan anak nelayan.

Selain itu, LKIM juga meneruskan Skim Pinjaman Dana Nelayan. Skim pinjaman ini bertujuan menggalakkan nelayan untuk lebih berdaya, meningkatkan keupayaan bot sedia ada bagi penangkapan ikan yang lebih moden dan berteknologi, membeli bot, aplikasi dan peralatan baharu.

Juga sebagai pinjaman modal operasi serta modal pusingan pemasaran ikan untuk persatuan nelayan.

Ia turut berupaya mengurangkan beban tanggungan dan pengaruh orang tengah dalam kehidupan nelayan.

Skim pinjaman yang diwujudkan di bawah program ini ialah:

- Skim Pinjaman Pembangunan Institusi Nelayan (SPIN)
- Skim Pinjaman Nelayan Komersial (SNEK)
- Skim Pinjaman Nelayan Enjin Dalam (SNED)
- Skim Pinjaman Nelayan Pantai (SNEP)

LKIM sedia maklum bahawa kos sara hidup dan pengoperasian tangkapan ikan meningkat. Pelaksanaan Skim Subsidi Diesel dan Petrol Nelayan adalah untuk membantu menampung sebahagian kos operasi menangkap ikan yang ditanggung nelayan kesan kenaikan harga minyak di pasaran.

Sebanyak 53,012 permohonan e-diesel dan e-petrol dihusikan bagi memudahkan nelayan mendapat bekalan diesel dan petrol bersubsidi di 146 pusat jualan diesel serta 243 stesen jualan petrol bersubsidi di seluruh negara.

Selain itu, LKIM masih meneruskan bayaran insentif hasil tangkapan ikan (IHITI) kepada nelayan dengan peruntukan sebanyak RM142 juta setahun.

IHTI adalah insentif yang diberikan kepada pemilik vesel perikanan berdasarkan kuantiti pendaratan ikan yang disyorkan.

Ia bertujuan memberi galakan kepada pemilik vesel perikanan untuk mendaratkan hasil perikanan di dalam negara.

Di samping itu, ia bagi mengawal dan memastikan minyak subsidi yang dibeli pemilik vesel perikanan hanya digunakan untuk aktiviti menangkap ikan melalui pengisytiharan hasil tangkapan.

Selain itu, LKIM masih meneruskan pemberian elaun sara hidup nelayan (ESHN) pada tahun ini sebanyak RM250 sebulan kepada nelayan.

Bayaran ini antara usaha kerajaan untuk membantu nelayan meringankan beban dalam menghadapi tekanan ekonomi disebabkan peringkatan kos sara hidup. Selain itu, ia juga bagi memastikan sektor industri perikanan kekal berdaya maju.

Pada 2019, sebanyak RM81,037,000 disalurkan kepada 34,000 nelayan di seluruh negara.

Selaras dengan peranan LKIM untuk menjaga kebajikan dan kesejahteraan nelayan, Projek Khas Perumahan Nelayan (PKPN) dilaksanakan.

Tujuannya untuk membaik pulih, membina baharu dan mewujudkan penempatan semula nelayan yang lengkap bagi memastikan kesejahteraan serta kesejahteraan nelayan.

Projek ini adalah bantuan yang diberikan kepada nelayan berpendapatan rendah bagi meningkatkan taraf hidup isi rumah.

Sebanyak RM459.9 juta peruntukan disalurkan terus kepada LKIM sebagai agensi peneraju sejak 2012 dan masih diteruskan hingga kini.

Selain itu, Skim Insurans nelayan diperkenalkan pada 2012 yang lalu dan masih diteruskan sehingga kini bertujuan membela nasib keluarga nelayan dan sebagai persediaan kewangan luar jangka nelayan sekiranya berlaku kemalangan atau kematian.

Manfaat dan perlindungan diperoleh oleh nelayan yang mencaram insurans ini ialah sehingga RM155,000.

Selain itu, LKIM juga menyediakan tabung bantuan bencana alam. Tabung ini memberi bantuan kewangan segera kepada nelayan yang terbit dengan kemalangan, kemusnahan atau kerosakan harta benda termasuk kehilangan nyawa bagi meringankan beban mangsa serta keluarga.

Manakala bantuan pembangunan ekonomi dan sokongan industri turut disalurkan kepada persatuan nelayan terbit dalam projek pengeluaran hasil seperti tangkapan ikan, ternakan akuakultur, pemasaran ikan, pemprosesan serta agropelancongan.

Di samping itu, LKIM berperanan besar dalam menyediakan kemudahan kompleks pendaratan yang moden dan lengkap di seluruh negara untuk menyokong industri perikanan negara.

Pencerobohan nelayan asing di perairan Malaysia masih berlaku. Apakah usaha dilakukan LKIM bagi mengatasi masalah ini?

Nelayan tempatan melalui Kumpulan Keselamatan Nelayan (KESAN) sentiasa menjadi mata dan telinga kepada kerajaan dalam membendung pencerobohan nelayan asing yang mengaut sumber negara.

Peranan kumpulan ini untuk meningkatkan keupayaan pasukan menjalankan aktiviti keselamatan di kawasan masing-masing dalam misi mencari dan menyelamat bagi kemalangan di laut yang membabitkan nelayan.

Selain itu, LKIM melalui KESAN bekerjasama dengan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) bagi program e-Rakam iaitu penggunaan aplikasi kesedaran dan keselamatan komuniti maritim (K3M).

Aplikasi ini sebagai saluran komunikasi kepada agensi penguat kuasa dalam mengumpul maklumat lebih pantas untuk memastikan keselamatan di perairan negara terjamin.

LKIM juga mengadakan kerjasama dengan agensi penguat kuasa laut seperti Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan Polis Marin.

LKIM sentiasa memainkan peranan aktif dalam isu pencerobohan dan salah satu agensi yang menjadi anggota jawatankuasa pencerobohan nelayan asing (Ops Naga).

Selain itu, LKIM turut membantu menyediakan kompleks dan jeti bagi menempatkan aset rampasan.

Kongsikan hasrat Datuk dalam menerajui LKIM dan mendepani industri perikanan negara.

Industri perikanan sangat penting kerana ia adalah sumber protein utama kepada rakyat di negara ini.

LKIM dipertanggungjawabkan memastikan bekalan ikan di negara ini sentiasa cukup dengan kualiti yang sepatutnya.

Selain itu, sebagai Pengerusi LKIM, saya bertanggungjawab untuk memastikan bekalan ikan yang berkualiti sentiasa mencukupi bagi memenuhi keperluan negara.

Tumpuan perlu diberikan kepada empat perkara iaitu nelayan, sumber ikan di laut, kemudahan kepada nelayan (bot besar bantuan penangkapan ikan) serta pendaratan ikan bagi menjamin bekalan ikan mencukupi.

Selain itu, perkara lain yang perlu diambil kira LKIM ialah bagaimana memastikan kesesuaian ikan mendarat di kompleks LKIM.

Saya melihat isu paling dihadapi LKIM ialah pemasaran ikan. Saya mahu menanganinya supaya pemasaran ikan di Malaysia dapat dikawal dan nelayan mendapat harga berpatutan apabila menjual hasil tangkapan itu.

LKIM dicadangkan untuk memainkan peranan sebagai pembeli utama ikan nelayan.

Oleh itu, saya juga ingin memberikan cadangan agar LKIM memiliki kapasiti mencukupi untuk membeli semua ikan yang dibawa naik ke daratan oleh nelayan.

Ikan ini dijual secara terus kepada LKIM sebagai ikan segar dan selebihnya dibekalkan sebagai ikan segar beku yang dinamakan QFISH.

Melalui cara ini, nelayan tidak berhadapan dengan masalah tiada pembeli ikan yang bersesuaian dan menawarkan harga berpatutan.

Pada masa yang sama, saya dan pengurusan LKIM akan mereliti kaedah untuk memulakan pengawalan rantalan pemasaran ikan di Malaysia.

Sekiranya usaha ini berjaya (mengawal rantalan pemasaran ikan), maka LKIM dapat mengatasi peranan orang tengah yang mengawal bekalan dan menentukan harga ikan hinggalah nelayan tidak mendapat harga sepatutnya.

Ini tugas utama saya sebagai pengerusi LKIM untuk memastikan agensi itu menjadi peraju utama bukan sahaja penangkapan tetapi juga sebagai pemasaran yang mengawal pasaran.

Cara mengawal pemasaran ikan ialah dengan mempunyai stok bekalan yang mencukupi.

Sekali lagi, saya ingin mencadangkan LKIM supaya membina bilik sejuk yang mencukupi untuk menyimpan ikan yang dibeli apabila ada lebihan yang tidak dapat dijual.

Melalui cara ini, LKIM dapat mengawal pasaran dan harga ikan di pasaran.

“
Ikan adalah sumber protein utama rakyat negara ini
Syed Abu Hussin Hafiz



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/5/2020	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

KPDNHEP kutip kompaun RM120,000, peniaga tidak mematuhi SHMMP



TURUN PADANG: Dr Alauddin Sidal (dua kiri) meninjau harga ikan ketika mengadakan operasi pemeriksaan sempena pelaksanaan SHMMP 2020 di Pasar Awam Tanjong Karang, semalam. — Gambar Bernama

TANJONG KARANG: Sebanyak RM120,000 kompaun dikutip Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di seluruh negara dalam penguatkuasaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) bermula dari 20 Mei lepas sehingga kelmarin.

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan Perdagangan Dalam Negeri) KPDNHEP, Dr Alauddin Sidal berkata kompaun berkenaan melibatkan 50 kes pelbagai kesalahan membabitkan pemborong dan peruncit.

"Sebanyak 15 peruncit dan dua pemborong dikompaun kerana meletakkan harga melebihi harga maksimum dan rata-rata mereka memberi alasan membeli bekalan daripada pembekal pada harga yang mahal.

Sebanyak 33 peruncit pula dikenakan kompaun kerana gagal meletakkan tanda harga," katanya kepada pemberita selepas melakukan lawatan kerja ke Pasar Awam Tanjong Karang di sini, semalam.

Katanya lagi, Johor merekodkan jumlah kesalahan paling tinggi iaitu 15 kes diikuti oleh Pahang (13 kes) Kuala Lumpur (10 kes) dan Kedah (tujuh kes).

Kata Alauddin, bagi tempoh berkenaan juga sebanyak 18,825 premis perniagaan diperiksa penguat kuasa KPDNHEP di seluruh negara bagi memastikan tiada peniaga atau pemborong cuba mengambil kesempatan menaikkan harga barangan keperluan sesuka hati.

Katanya, KPDNHEP turut memberi jaminan bahawa bekalan barangan makanan dan keperluan sentiasa mencukupi sepanjang musim perayaan ini dan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Ini kerana katanya, KPDNHEP sentiasa bekerjasama rapat dengan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan serta Lembaga Permasaran Pertanian Persekutuan bagi memastikan bekalan makanan dan barangan keperluan adalah mencukupi. — Bernama



Fokus tingkat ekonomi, pembangunan Kedah

Pelantikan Muhammad Sanusi Md Nor, sebagai Menteri Besar Kedah Ke-14 menandakan kembalinya PAS ke negeri Jelapang Padi. Wartawan M HIFUDDIN IKHSAN, NOORAZURA ABDUL RAHMAN dan IZZALI ISMAIL, menemu bual Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jeneri itu yang berkongsi misi dan hala tuju beliau untuk Kedah.

S: Boleh Yang Amat Berhormat (YAB) kongsi latar belakang diri dan keluarga?

J: Saya dilahirkan di Kampung Sungai Pauh di Sik. Saya anak ketujuh daripada 13 beradik dan ayah cuma bekerja kampung. Seperti kata Allahyarham Prof Emeritus Datuk Dr Shahnon Ahmad, bahawa Sik kaya dengan kemiskinan, begitulah keluarga saya kerana ayah dan emak melakukan pelbagai pekerjaan termasuk mencari petai, menoreh getah, memukul padi, memunggar tanah dan menanam ubi.

Ada rakan ayah menyatakan kami 13 beradik membesar dalam keadaan berebut rezeki dengan kerana dan lutong di hutan, kerana jika ayah terlewat ambil petai atau buah tampoi, hasil hutan itu menjadi habuan kerana dan lutong. Ketika kakak saya mendapat tawaran melanjutkan pengajian di Universiti Malaya, keluarga terpaksa jual lembu dan dibantu tauke Cina, Ah Neo. Begitulah susah keluarga kami sehingga ayah terpaksa ke Singapura untuk bekerja pada 1978 hingga awal 80-an.

Walaupun susah, keluarga kami tidak melarat. Jika orang lain telur sebiji dibelah dua, kami adik beradik akan belah lapan atau makan nasi berlauk minyak goreng ikan atau belalang goreng.

S: Bagaimana pula dengan pendidikan?

J: Saya mula bersekolah di Sekolah Kebangsaan (SK) Batu Lima, Sik. Saya mendapat keputusan cemerlang 5A dalam penilaian darjah lima di sekolah rendah dan menyambung pengajian di Sekolah Menengah Sains (SMS) Sultan Mohamad Jiwa di Sungai Petani. Itu kali pertama saya ke Sungai Petani menaiki bas tiga kali dari kampung.

Saya kemudian kembali ke Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sik sebelum mengambil peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) di SMK Derma, Kangar dan menyambung pengajian ke Universiti Sains Malaysia (USM) dalam bidang Pengajian Pembangunan.

Saya mempunyai dua watak iaitu baik dan nakal selain sangat aktif ketika zaman sekolah. Saya bermain bola sepak, ragbi, kriket, takraw dan saya turut menjadi penyanyi utama kumpulan nasyid, selain turut mewakili Perlis pada

perandingan Forum Remaja. Habis belajar di USM, saya bekerja bersama Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), banyak susah senang saya sudah lalui.

S: Bagaimana YAB melihat kedudukan sebagai Menteri Besar Kedah?

J: Saya anggap ini pencapaian luar biasa, tetapi jawatan ini hak orang ramai. Banyak sejarah menunjukkan jika pemerintah daripada kelompok tertentu, maka yang senang kelompoknya. Jika tuan tanah atau borjuis memerintah mereka mendapat faedah.

Saya tidak mahu sesiapa ketinggalan di Kedah. Dalam Islam tugas pemerintah adalah 'mengambil' daripada orang kaya untuk diberi kepada orang miskin. Ia bukan mencuri tetapi dalam kekayaan itu ada hak orang miskin seperti zakat, derma, sedekah dan fidyah. Ini akan membuatkan orang miskin tidak dengki pada orang kaya kerana mereka tahu sumbangan diterima datang daripada orang kaya dan orang kaya pula, faham hak orang lain dalam kekayaan mereka.

Kerajaan baharu ini tidak akan menjadikan program membantu orang miskin sekadar kosmetik, tetapi program perdana sehingga Kedah menjadi tempat orang kaya berbakti dan orang miskin dapat berteduh.

S: Ada menyamakan gaya YAB dengan pentadbiran bekas Menteri Besar, Allahyarham Tan Sri Azizan Abdul Razak?

J: Mungkin gaya saya dan ustaz (Azizan) ada persamaan kerana saya pernah menjadi Setiausaha Politik arwah, malah saya belajar mengenai kerajaan dan pentadbiran daripada arwah selain watak saya adalah golongan muda. Banyak perkara baik di Kedah diasaskan ustaz ketika beliau menjadi Menteri Besar, malah ia diteruskan kerajaan negeri selepas itu termasuk ketika pemerintahan Barisan Nasional (BN) dan Pakatan Harapan (PH). Apa yang ustaz buat tidak mendatangkan bencana kepada negeri, malah ada yang diteruskan hingga kini.

Walaupun ada pihak tidak faham termasuk dalam kalangan pemimpin PAS sehingga mereka meninggalkan parti, saya faham semua jasa dan apa yang dilakukan ustaz. Cuma zaman ustaz agak susah ke-

Soal Jawab

rana PAS menjadi pembangkang, tetapi kini kita bersama Perikatan Nasional (PN) membentuk Kerajaan Pusat. Saya akan ikut keputusan Presiden PAS dalam membuat keputusan dan kita jangka keadaan akan lebih mudah selepas ini.

S: Apa boleh YAB kongsi mengenai pendekatan Ustaz Azizan?

J: Salah satu rahsia zaman ustaz adalah kepantasan, ketika itu kita dapat lihat bagaimana perancangan pembinaan Anan Central, Hotel Adya dan Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Muadzam Shah (UniSHAMS) dapat diputuskan dan siap dibina kini. Saya akan cuba membawa kepantasan dalam pentadbiran baharu termasuk mengelak timbul masalah bersama Perkhidmatan Awam Kedah (KCS).

Namun perlu diingatkan parti yang memutus dan memilih saya menjadi Menteri Besar dan saya akan ikut keputusan parti bagi menyesuaikan keadaan mengikut situasi Kedah. PAS sangat fleksibel dalam hal ini. Lebih baik kita buang perkara negatif, sama-sama bekerja dan duduk bermesyuarat selesaikan masalah rakyat.

S: Bagaimana dengan status projek ikonik negeri, apakah akan diteruskan?

J: Salah satu projek utama adalah Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP), perkara ini kami sokong sejak saya menjadi Ketua Pembangkang di Dewan Undangan Negeri (DUN) Kedah lagi. Semua Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) PAS sokong ketika Datuk Seri Mukhriz Mahathir membentangkannya dan kami mahu ia dilaksanakan.

Saya sendiri akan berusaha memastikan KXP dilaksanakan cepat. Kita maklum projek diumumkan Mukhriz ketika beliau menjadi Menteri Besar kali pertama, namun tidak dapat dilaksanakan. Jadi kali ini saya akan gunakan masa sebalik mungkin untuk pecut dan realisasikan projek ini sebagai pencetus kebangkitan ekonomi Kedah. Be-

Saya tidak mahu sesiapa ketinggalan di Kedah.

Dalam Islam tugas pemerintah adalah 'mengambil' daripada orang kaya untuk diberi kepada orang miskin. Ia bukan mencuri tetapi dalam kekayaan itu ada hak orang miskin seperti zakat, derma, sedekah dan fidyah..

Muhammad Sanusi Md Nor,
Menteri Besar Kedah

gitu juga Kedah Rubber City (KRC) serta Taman Sains dan Teknologi Bukit Kayu Hitam, juga akan dipercepat bagi menggalak pelaburan asing terus masuk.

Mengenai nilai pelaburan Kedah yang dikatakan mencecah RM14.7 bilion, saya ucapkan terima kasih kepada pentadbiran lalu, walaupun mungkin ada pertindihan kepada jumlah diumumkan berkenaan. Selepas ini, saya akan pastikan setiap

pelaburan dilaksana, bukan sekadar diumumkan sahaja.

Apabila pelaburan asing masuk, syarikat luar dapat membina kilang dan rakyat kita dapat bekerja, sekali gus mengelak mereka keluar mencari kerja di tempat lain. Anak-anak akan dapat menjaga orang tua di kampung dan sama-sama membangunkan negeri. Ini yang kita mahu lakukan. Apa yang menarik pelabur terus datang ke Kedah adalah keadaan politiknya yang stabil, pentadbirannya berjalan baik serta kita mempunyai banyak kawasan boleh dibangunkan seperti Taman Teknologi Tinggi Kulim (KHTTP) yang kini memasuki fasa keempat.

Satu lagi perkhidmatan kritikal yang perlu diambil perhatian serius adalah berkaitan bekalan air di bawah Syarikat Air Darul Aman (SADA) yang memerlukan ia dinaik taraf segera. Masalah ini kita sudah bangkitkan di DUN Kedah sejak 2010 apabila SADA ditubuhkan. Sebenarnya SADA sudah memberi perkhidmatan terbaik, cuma ia perlu ditambah baik.

S: Apa tancangan YAB mengenai padi, getah dan sawit agar petani dapat hidup selesa?

J: Minggu lalu, saya ada hadir mesyuarat di Kuala Lumpur dan bangkitkan tentang banyak kawa-



Kerajaan Kedah akan melaksanakan inisiatif memulihkan sektor pelancongan di Langkawi yang terjejas akibat penularan COVID-19. (Foto hiasan)

san tanah di Kedah kita guna untuk pertanian dan aktiviti ini mendatangkan faedah besar kepada negara terutama aspek keselamatan makanan dan kita sumbang 40 peratus beras kepada negara.

Namun padi bukan satu sektor yang boleh menyumbang banyak kepada pembangunan ekonomi dan kebanyakan pesawah masih hidup di bawah paras kemiskinan. Jadi saya bangkitkan untuk perhatian Kerajaan Pusat bahawa Kedah sudah berkorban tanah begitu banyak termasuk hutan untuk jadi kawasan tadahan air; bukit untuk jadi empangan, tetapi Kedah kekal miskin sedangkan kita menyuaip banyak pihak.

Saya minta Kerajaan Pusat tidak abaikan kita. Ada konsep di Jepun misalnya petani hanya mengeluarkan satu peratus modal dan 99 peratus bakinya datang dari kerajaan kerana kerajaan negara berkenaan sedar pentingnya makanan. Apabila kita hadapi bencana seperti COVID-19, kita mula sedar Vietnam tidak mahu eksport beras kerana perlu simpan untuk kegunaan domestik dan kita pering mencari stok beras untuk kegunaan rakyat tempatan. Kita kena balik kepada asas, sektor pertanian perlu dinaikkan bagi pengeluaran makanan

dan petani dibantu kerajaan. Sekiranya mana pun negara jika rakyatnya tidak dapat makan akan berlaku masalah.

Saya yakin Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin akan beri perhatian segera kerana perkara ini sudah dibangkitkan lama dan Kerajaan Pusat sadar perkara ini bakal membantu Kedah.

Untuk getah, Kedah adalah negeri kedua pengeluaran utama getah. Bagi merealisasikan Kedah Rubber City (KRC) kita perlu banyak getah jenis lateks berbanding getah lain kerana industri berkaitan getah banyak menggunakan lateks bagi pengeluaran seperti pembuatan sarung tangan. Disebabkan itu, penoreh getah perlu berubah dan tidak bergantung kepada menoreh pada waktu pagi sahaja.

Mereka perlu mula menghasilkan lateks kerana apabila ada ladang yang menghasilkan lateks, kita dapat bina banyak infrastruktur lain bagi memasarkan getah. Pekubun kecil boleh tumpang pasarankan lateks bagi kegunaan tempatan dan rantau ini dan tingkatan pengeluaran lateks negara. Harga lateks juga boleh naik kerana ketika ini industri menggunakan lateks dibawa dari Ivory Coast untuk menghasilkan sarung tangan, pa-

dahal kita ada banyak pokok getah. Kita perlu 500,000 tan lateks setahun, tetapi pengeluaran tempatan hanya mampu bekalkan 10 peratus, jadi kita perlu capai 50 peratus penghasilan tempatan.

S: Apa langkah bakal diambil bagi memulihkan sektor pelancongan di Langkawi?

J: Saya ada berbincang bersama pemain industri bagaimana seluruh dunia menghadapi senario sama apabila pelancong tidak dapat bergerak dan keadaan ini mungkin berlarutan sehingga tahun depan apabila perenangan juga tidak dapat beroperasi.

Dalam keadaan ini, yang terjejas teruk adalah sektor perhotelan, pemandu pelancong dan ejen pelancongan yang tenat ketika ini. Kita perlu ada pelan induk pelancongan baharu dan Kerajaan Pusat perlu bantu bukan sahaja di Kedah, tetapi juga negeri lain.

Orang Langkawi sudah mula hubungi saya dan memaklumkan pulau itu umpama dilanda garuda. Saya faham keadaan itu, tetapi untuk keselamatan kita perlu bersabar dan tahun depan kita akan perkenal insentif baharu untuk industri dan keutamaan diberi kepada Langkawi khususnya.

S: Pembalakan di Utu Muda yang dihentikan sebelum ini, adakah kerajaan negeri akan teruskan dasar ini?

J: Kita sokong untuk pemuliharaan alam sekitar dan dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) juga ada opsyen kepada pemuliharaan alam sekitar. Dunia sedang bergerak ke arah mengelak industri yang merosakkan bumi, jadi ekonomi dunia perlu diubah bagi memulihara tanah, tetapi kita perlu faham pembalakan adalah salah satu sumber kerajaan.

Kerajaan terdahulu sudah meluluskan dalam mesyuarat EXCO bahawa tiada penambahan kawasan pembalakan baharu dan ada yang diwartakan sebagai taman negeri serta kawasan tadahan yang tidak boleh diganggu. Bagaimanapun, ada kawasan luar Utu Muda boleh dibuat pembalakan berdasarkan peraturan sedia ada yang dikuatkuasakan Jabatan Perhutanan Semanjung Malaysia (JPSM), selagi pembalakan kita mematuhi peraturan.

Kita tak akan benarkan pembalakan dalam kawasan sensitif berhampiran tasik atau empangan yang akan mengakibatkan pencemaran sehingga mengganggu penduduk. Kita tidak boleh berkompromi dalam isu ini.

Kita akan tengok cadangan JPSM terlebih dahulu kerana ini di bawah bidang kuasa mereka. Saya juga perlu lihat tuntutan pembalakan daripada syarikat konsesi lama yang agak besar membatalkan 40 konsesi dibatalkan dan membuat tuntutan kira-kira RMI bilion kepada kerajaan negeri sebelum ini.

Jumlah RMI bilion memang kita tidak mampu bayar, jadi kita tengok kalau boleh diganti tempat yang tidak menjejaskan alam sekitar, tidak datang kerosakan kepada orang ramai kerana itu tanggungjawab kerajaan. Saya tidak bo-

leh lari daripada keputusan kerajaan dahulu kerana ia sudah ada ikatan dan dibahut undang-undang.

Jika sudah ada kelulusan dan syarikat membayar premium, tetapi mereka tidak dibenar menabang selepas modal dikeluarkan, itu dikira tidak adil. Kita mungkin perlu pertimbang untuk ganti mengikut undang-undang dan saya rasa ia boleh diselesaikan dan yang penting rakyat selesa selamat dan tidak terancam.

S: Apa pandangan YAB mengenai imej kerajaan tebuk atap dan pintu belakang di Kedah?

J: Itu andaiannya mereka dan jika lihat komen netizen, mereka boleh terima perubahan ini. Tebuk atap atau pintu belakang adalah terma orang kecewa kerana mereka jahir akibat perbuatan sendiri. Dalam politik tidak boleh cagak begitu, kita bukan rampas kuasa. Perubahan ini berlaku kerana peralihan sokongan yang dibenarkan dalam sistem demokrasi dan yang beralih sokongan itu adalah PH bukan PAS atau Muafakat Nasional. Mengenal kerajaan luar mandat, setahu saya mandat rakyat diberi melalui peti undi. Rakyat mengundi dan memilih wakil rakyat. Rakyat memilih kerajaan di kertas undi, kita memilih calon. Jadi bila calon menang, dia jadi wakil rakyat dan dia tentukan sokongan.

Jadi tentang mandat rakyat sudah selesai, tunggu Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU-15) jika mahu mandat. Proses berikutnya adalah parti yang akan ambil pendirian sama ada mahu PH atau PN. Saya simpati pada PH kerana rakyat tolak mereka dan menerima perubahan ini dengan baik.

S: Ada mempersoal kelayakan YAB sebagai Menteri Besar. Apa komen anda?

J: Layak atau tidak bukan saya untuk menilainya. Saya sertai politik bukan bercita-cita menjadi Menteri Besar. Pada saya jika orang masuk politik untuk menegajer jawatan, saya rasa dia akan rebah kerana banyak kawan masuk politik akhirnya kecewa.

Saya tidak ada kejar jawatan apa-apa, saya dalam parti sendiri jarang bertanding untuk menang. Saya lebih banyak bergantung kepada pemimpin, pemimpin kata saya layak, beliau pilih dan saya ikut. Jika beliau kata saya tak layak, saya tiada masalah. Jika orang kata saya tidak layak, saya terima dan boleh kaji balik apa kelemahan kekurangan dan kita boleh baik.

Terakhir kita serah kepada Allah yang menaiki dan menurunkan kita. Jika berhimpun satu dunia mahu menaiki kita, Allah tidak izin maka tidak jadi. Cuma dalam PAS disiplin kita tidak boleh merebut jawatan kerana politik terikat dengan dosa pahala. Nabi Muhammad SAW sendiri larang sahabat minta jawatan dan kita kena patuh jangan meminta jawatan.

Setiap kerja kita buat sebagai pemimpin, Allah nanti akan tanya di akhirat, lagi besar jawatan kita, lagi berat soalan dan itu paling saya takut dan risau. Saya tidak risau

penilaian manusia selagi kita berada di lindungan Allah.

S: Presiden PAS, Datuk Seri Abdul Hadi Awang menyatakan pertukaran kerajaan Kedah mampu menjadi model kepada pemerintahan PAS. Apa pandangan YAB?

J: PAS sudah membuktikannya pada 2008 hingga 2013 dan rakyat nampak apa yang PAS mampu buat. Pada masa itu, tiada kelompok kita pinggirkan baik masyarakat Cina, India atau Siam semuanya ada bahagian masing-masing.

Model yang kita bentuk ini di-sulam apabila semua rakyat dapat hidup selamat dan aman. Itu model dimaksudkan Tok Guru kemas dalam sejarah manusia apabila datangnya kerajaan Islam, kaum lain boleh hidup aman. Dalam sejarah tamadun manusia juga bila ada kuasa bukan Islam jadi kerajaan, belum tentu orang sama boleh hidup dengan aman. Tengoklah apa yang berlaku di Andalusia, Palestin dan di Burma apabila berlaku penindasan kepada orang Islam.

Presiden PAS dan saya bersedia melaksanakan pemerintahan adil dan masyarakat lain tidak perlu bimbang.

S: Apa perancangan YAB untuk Persatuan Bolasepak Kedah (KFA)?

J: Bola sepak ini sudah menjadi sukan rakyat di Kedah, saya harap Kedah mampu jadi juara Liga Super, Piala Malaysia dan Piala FA selepas ini. Namun, saya perlu sokongan rakyat untuk angkat lagi sukan ini. Apabila melangkah ke peringkat ini, faktor paling penting dalam sukan adalah kewangan. Setiap hari kita memerlukan RM66,000 sebagai sumber pendapatan KFA dan ia banyak datang dari penaja skuad Lang Merah.

Persatuan tidak boleh jadi lubang kepada orang untuk bergayut atau melepak. Saya fikir apabila sesuatu menjadi terlalu besar ia mengganggu kewangan apabila ada orang lain menumpang. Jika mereka membawa duit tidak mengapa, tetapi mereka juga ambil duit persatuan sehingga runtu. Setiap selepas ini pegang persatuan perlu bawa duit kerana kita perlu jaga pemain, melatih pasukan. Insya-Allah jika ada pencalonan, saya sahut cabaran dan pegang jawatan Presiden KFA kerana saya juga sama seperti rakyat mahu bola sepak Kedah terus maju.

Tetapi saya perlu tengok semua perkara, KFA memerlukan sumber kewangan. Orang yang pegang jawatan perlu bawa masuk duit kerana kerajaan negeri ada kekaangan untuk terus menyokong pasukan. Kita perlu lihat semula kontrak ditandatangani dahulu, yang mana membatalkan kita tidak boleh teruakan dan kita akan kaji semula.

Pada masa sama, kerajaan negeri akan terus bantu sukan lain, kita perlu cungkil bakat baharu di daerah dan beri galakan pada anak muda dalam bidang sukan dan tidak ada seketan kepada Majlis Sukan Negeri (MSN) untuk bergerak selepas ini.



Sektor pertanian turut akan diberi perhatian bagi meningkatkan ekonomi penduduk. (Foto hiasan)



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/5/2020	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

Sekuriti makanan terjamin melalui urus harga makanan, inflasi



Orang ramai dilihat membeli barangan keperluan sempena menjelang Hari Raya Aidilfitri ketika tinjauan lensa Malaysia Gazette di Pasar Dato Keramat, Kuala Lumpur. foto SYAFIQ AMBAK, 22 MEI 2020.

Oleh Jason Loh dan Amir Jalal

Ketidapastian mengenai bilakah negara kita boleh kembali beroperasi seperti sedia kala walaupun di bawah "norma baru" dengan berakhirnya PKP serta bilakah strategi keluar daripada PKP dapat dilaksanakan telah menimbulkan kebimbangan tentang sekuriti makanan negara. Terdapat keperluan untuk menerapkan pendekatan yang holistik dalam menangani sekuriti makanan negara dengan mengambil kira isu harga makanan itu sendiri, termasuk inflasi.

Satu pendekatan menyeluruh diperlukan di mana isu sekuriti makanan bukan saja dilihat dengan sendirinya malahan juga dikaitkan dengan isu harga makanan dan inflasi. Dalam hal ini, kita boleh melihat sekuriti makanan sebagai bahagian pembekalan dari satu persamaan dasar. Lantaran itu, harga makanan dan inflasi pula adalah bahagian permintaan. Ini boleh dicernakan dengan Skim Harga Maksimum untuk musim Raya tahun ini berhubung dengan makanan dan barangan berkaitan makanan seperti tomato, cili merah, bawang besar dan cili kering.

Ini menyusuli laporan harga barangan makanan penting dan utama seperti ayam telah meningkat. Di Kuantan, harga ayam kini sekitar RM10 sekilogram berbanding sekitar RM7.50 sekilogram semasa awal PKP – peningkatan melebihi 30 peratus.

Di dalam skala yang lebih besar, kita dapat lihat masalah ini tidak hanya berlaku semasa musim perayaan. Semasa peringkat awal PKP fasa pertama, barang yang disenaraikan sebagai tidak penting terkandas di pelabuhan. Ini telah mengakibatkan gangguan dalam rantaian bekalan domestik kerana ia memberi kesan langsung terhadap saluran pengedaran dan ia juga menimbulkan masalah dalam sektor ekonomi yang lain. Jelas walaupun makanan dan minuman disenaraikan sebagai barangan penting, namun disebabkan timbunan barangan tidak penting yang terkandas di pelabuhan, ia menghalang barangan penting untuk memasuki pelabuhan.

Ditambah pula, terdapat laporan mengenai kekurangan sayur-sayuran, terutamanya daripada Cameron Highlands. Malah, harga beberapa makanan meingkat dengan ketara semasa PKP fasa pertama. Di Alor Setar, harga kubis meningkat daripada RM4 kepada RM6.50 sekilogram. Manakala harga cili besar meningkat daripada RM8 kepada RM12 sekilogram. Lori dan trak yang membawa sayur-sayuran ini dikatakan berhadapan dengan sekatan jalan raya, waktu operasi yang lebih pendek dan kekurangan tenaga kerja untuk menghantar bekalan.

Pada masa yang sama, penutupan restoran dan operasi terhad untuk pasar basah juga mengganggu rantaian bekalan dan mengurangkan bekalan makanan segar. Walaupun bahan mentah dan barangan separuh-siap untuk kilang pembuatan tidak termasuk dalam barangan penting, namun ia menjadi masalah kepada pihak berkuasa pelabuhan kerana kapasiti tidak mencukupi, dan akan menyebabkan kelewatan dan tunggakan dalam rantaian bekalan. Jika situasi ini tidak diuruskan dengan baik, kos penyimpanan barangan akan ditanggung oleh pengguna akhir, seperti yang disahkan oleh Mr Alvin Chua, Presiden Persekutuan Penghantar Fret Malaysia (FMFF).

Ini akan memberi kesan dalam bentuk tekanan inflasi dalam suasana kadar pengangguran meningkat, sekali gus memberi kesan buruk terhadap sekuriti makanan negara.

Dalam memastikan bekalan makanan sampai ke pasar (pengguna akhir), kita harus memastikan harga makanan dan inflasi juga dapat dikendalikan dengan cekap. Justeru, dalam merancang sekuriti makanan negara dengan mengurus harga makanan dan inflasi, pihak kerajaan boleh meningkatkan peranan mereka dengan memberi fokus terhadap perkara-perkara berikut:

1. Simpanan stok – kerajaan harus menyediakan pusat simpanan stok atau menjadi pembeli akhir. Inisiatif ini bukan sahaja dapat meningkatkan pendapatan para petani dan pengeluar hasil pertanian, namun juga dapat menghapuskan "orang tengah" dalam mengurangkan kos kepada pengguna akhir.
2. Hab makanan bersepadu – pusat untuk para petani, pengeluar dan pengedar makanan dikumpulkan di dalam satu tempat untuk menjimatkan kos dan memendekkan rantaian bekalan, termasuk mengurangkan campur tangan "orang tengah". Hab ini boleh ditempatkan di beberapa lokasi secara strategik.
3. Pengawasan harga yang lebih kerap – pihak kerajaan harus mempertingkatkan penguatkuasaan dan pemantauan harga dengan merekrut lebih ramai "barisan hadapan" (mencipta peluang pekerjaan).
4. Koperasi – pihak kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) harus meningkatkan peranan koperasi sebagai sebahagian daripada saluran pengedaran atau penghantaran di dalam rantaian bekalan. Pada masa yang sama, melalui pembelian secara pukal, ia secara tidak langsung dapat mengurangkan kebergantungan terhadap "orang tengah".
5. Pasukan khas untuk Agri-Sekuriti Makanan – pihak kerajaan boleh menubuhkan pasukan khas untuk menangani cabaran sekuriti makanan negara yang terdiri daripada pakar sektor pertanian, peladang, ahli ekonomi, pakar runding, saintis makanan

dan pemegang taruh yang lain di bawah pimpinan Perdana Menteri dan dibantu oleh Menteri Pertanian dan Industri Makanan.

Buat masa kini, tahap sara diri (self-sufficiency level, SSL) negara di bawah 75 peratus. Indeks Sekuriti Makanan Global (GFSI) negara secara keseluruhannya meningkat di kedudukan ke 28 daripada 113 negara pada tahun 2019 dengan skor 73.8, yang dianggap "pencapaian baik". Jika dilihat dalam pecahan sub-kategori, dari segi kemampuan makanan, kita juga berada di tangga ke 28. Namun, untuk keselamatan makanan dan kualiti makanan, kita berada di kedudukan ke 42. Jadi, terdapat ruang yang boleh ditambah baik.

Oleh itu, hal ini perlu diberi penekanan, kerana pada akhirnya, sekuriti makanan akan bersangkut paut dengan dinamik harga makanan dan inflasi. Maka dapat disimpulkan sekuriti makanan turut terkesan dengan dinamik harga makanan serta inflasi juga.

Lantas, sangat kritikal dalam memastikan keseluruhan rantai bekalan dan bukan sahaja pertanian dan pengeluaran adalah sama penting untuk diambil kira bersama dengan harga makanan serta inflasi. Dalam hal ini, apa yang penting ialah iltizam politik untuk lebih berusaha ke arah jaminan sekuriti makanan negara.

Jason Loh dan Amir Jalal merupakan Pasukan Penyelidik di EMIR Research, sebuah organisasi pemikir bebas yang berfokuskan kepada pencernaan saranan-saranan dasar strategik berteraskan penyelidikan yang terperinci, konsisten dan menyeluruh.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
31/5/2020	MALAY MAIL	ONLINE	

Malaysia's Statistics Department foresees recession in the next four to six months



People shop for essential food items at the Chow Kit wet market in Kuala Lumpur April 24, 2020. — Picture by Yusof Mat Isa

KUALA LUMPUR, May 29 — The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has predicted that the country is heading into an economic recession in the next four to six months.

In the Malaysian Economic Statistics Review (MESR), chief statistician Datuk Seri Mohd Uzir Mahidin said that their prediction was based on the latest leading indicators and that dynamic measures are required to transform the current economic structure.

Currently, the nation's economy is heavily dependent on commodities-based industries and low value-added industries hiring low-skilled and semi-skilled workers who are earning low wages.

"As a consequence, the share of Malaysia's compensation of employees to the economy is relatively low compared to advanced economies.

"New ways of doing business and diversifying the economy is highly required by embracing technological advances such as the Industrial Revolution 4.0 and digitalisation of business ecosystem.

"With the adoption of new technologies, the business process will create a decent work environment and a more conducive and sustainable labour market," said Mohd Uzir in the report.

Furthermore, he added that the disruption in labour demand for new graduates entering the market is expected in the second half of this year and it is vital to ensure that this group of people as well as those who are currently unemployed are occupied to restrain them from social unrest.

Mohd Uzir advised that a dedicated fund is required to upskill and reskill the two groups while enhancing their trainings on entrepreneurship and training in digital skills.

The country's trade with its biggest trading partner, China, has taken a hit due to the Covid-19 outbreak which had disrupted the global supply chain — especially since China is a substantial supplier of industrial products to the rest of the world.



Malaysia's trade with its biggest trading partner, China, has taken a hit due to the Covid-19 outbreak which had disrupted the global supply chain.— Reuters pic

On a year-on-year basis, trade with China which represented 16 per cent of Malaysia's total trade in the first quarter of 2020 (1Q20) was down by 2.1 per cent compared to the same period of 2019.

"Exports to China slipped by 1.3 per cent, mainly attributed to lower exports of electrical and electronic (E&E) products and liquefied natural gas (LNG).

"Imports from China contracted by 2.8 per cent mainly due to the decrease in imports of iron and steel bars, rods & et cetera and articles of apparel and clothing accessories," said Mohd Uzir.

However, Malaysia's trade with the US registered a strong trade in the first quarter as the Western superpower only recorded 100 confirmed cases in the first week of March 2020 before positive Covid-19 cases escalated there.

Merchandise trade with the US which contributed 9.6 per cent to Malaysia's total trade registered a strong increase of 10.9 per cent compared to the same period last year.

Exports to the US rose by 9.5 per cent contributed by higher shipments of E&E products, timber and timber-based products and rubber gloves. Imports from the US increased by 12.8 per cent, supported mainly by higher imports of crude petroleum and aircraft & associated equipment and parts.



Mohd Uzir said the tourism industry was the first to be impacted with tourist numbers dwindling since January and tour packages being cancelled. — Picture by Choo Choy May

Company registration declining drastically, multiple sectors hit

At the same time, the report also revealed company registration has dropped by nearly four times in April when compared to March.

The data from the Companies Commission of Malaysia (CCM) recorded that only 895 new companies were registered as of April this year.

“Business registration during the same period fell by 90.3 per cent to 1,854. Meanwhile, for the Limited Liability Partnership (LLP), 38 businesses were registered in April compared to 242 in the previous

month.

“The outbreak has caused the temporary closure of businesses, where they faced the risk of immediate cash flow constraints as their earnings decreased,” said Mohd Uzir.

He added that tourism industry was the first to be impacted with tourist numbers dwindling since January and tour packages being cancelled. This had the negative domino effect on the accommodations industry as well as the aviation industry as there was a decline in demand from travellers.

The pandemic has also brought the real estate industry to a halt, with a major impact on the retail segment as people will hold back from buying luxury properties during this tough times.

The review further predicted that due to the lack of confidence of the situation within the near future, coupled with the uncertainty upon the duration of the business shutdown; potential buyers are likely to wait-and-see, leading to the reduction of average sales in the first half of 2020.



The Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives has initiated a programme to help SMEs during the MCO which is the INSKEN Bizlive. — AFP pic

Going digital is the new norm

As a result of the pandemic, digitalisation has become the way of choice for businesses to deal with the ongoing crisis. Mohd Uzir foresees that more new e-commerce ventures will emerge and that it will be the new norm of doing business.

He took note that the Ministry of Entrepreneur Development and Cooperatives (MEDAC) has initiated a programme to help SMEs during the MCO which is the INSKEN Bizlive.

The initiative provides the platform for the Economic Benefit Partnerships workshop for SMEs through webinars, programme training, industry-selected online mentoring sessions and assistance preparing documents for financial aid applications.

Touching on the education industry, the temporary closure of private educational centres across the country has motivated teachers to virtual learning sessions using the online platforms such as Google Classroom and Microsoft Teams for teaching purposes.

DOSM's Wholesale and Retail Trade Census has also found that convenience stores, computer retail sales, security systems, perfumes and cosmetics and internet sales are among the emerging retail industries.

Meanwhile, the industries with high tendency to be obsolete are retail sales of petroleum, cooking gas, coal and firewood, music records, audio and video tapes and sales of rattan and woven goods.

“Interestingly, restrictions in place with the MCO, as well as general concern on health and hygiene will accelerate the growth of smaller grocery stores as the most preferred choice for customers due to shorter queues, ample parking spaces and closer to their respective homes,” observed Mohd Uzir.